

Ericsson labur RM80j bina pusat serantau

UM 30 JUL 2003

CYBERJAYA 29 Julai — Syarikat telekomunikasi terkemuka dunia, Ericsson telah melabur RM80 juta bagi menubuhkan sebuah pusat serantau di Koridor Raya Multimedia (MSC) yang menggabungkan teknologi terkini dalam komunikasi mudah alih.

Presiden Rantau Asia Pasifik, Ragnar Back berkata, pusat itu yang dikenali sebagai Ericsson@MSC merupakan yang pertama di rantau ini yang menggunakan komunikasi 'hidup' daripada GSM kepada teknologi Generasi Ketiga (3G).

"Apa yang kami maksudkan secara 'hidup' ialah semua empat sistem iaitu GSM, GPRS, EDGE dan WCDMA beroperasi secara komersial dengan aplikasi-aplikasi ciptaan tempatan yang sedia untuk digunakan," kata beliau ketika berucap pada majlis perasmian Ericsson@MSC di sini hari ini.

Perasmian majlis itu di sempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Back berkata, Malaysia terutamanya MSC dipilih

untuk menempatkan pusat itu kerana negara ini merupakan antara yang pertama di rantau ini merintis jalan ke arah penggunaan teknologi 3G.

Beliau berkata, sebahagian daripada pelaburan Ericsson itu digunakan untuk menempatkan ruang pameran teknologi tersebut.

Katanya, sebagai pusat kepakaran serantau, Ericsson@MSC berperanan penting dalam memastikan bukan sahaja penempatan teknologi berkenaan di sini tetapi juga mempunyai pakar 3G yang memberi sokongan kepada pelanggan.

"Ini akan menjamin pemindahan pengetahuan secara berterusan untuk kepada jurutera-jurutera di rantau ini seiring perkembangan teknologi," katanya.

Sementara itu Naib Presiden-i dan Pengurus Negara Ericsson Malaysia, Mats H. Olsson berkata, 3G akan membawa dua pembaharuan iaitu perkhidmatan bergerak yang disediakan dengan prestasi lebih baik dan menjimatkan kos.

Pembaharuan kedua katanya, melibatkan usaha memudahkan perkhidmatan baru dengan kandungan lebih bersepadu.

"Sebagai contoh, pesanan multimedia bimbit akan digunakan dengan lebih meluas sebagai lanjutan kepada pesanan berasaskan teks," jelas beliau.